

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER II

SESI 2018/2019

NAMA KURSUS : TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20202
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN / JULAI 2019
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN
BAHAGIAN A (OMR) DAN
BAHAGIAN B (BUKU JAWAPAN)

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA BELAS (12) MUKA SURAT

SULIT
TERBUKA

BAHAGIAN A

- S1** Pengalaman yang dirancang secara sistematik dan diberi secara langsung oleh guru dalam bilik darjah. Penyataan ini merujuk kepada definisi
- A pembelajaran
 - B Pengetahuan
 - C pengalaman pembelajaran
 - D pendidikan
- S2** Berikut adalah domain Teknologi Pendidikan kecuali
- A pengurusan
 - B pelaksanaan
 - C pembelajaran
 - D pengembangan
- S3** Secara umumnya Teknologi Pendidikan boleh dirumuskan sebagai suatu
- A proses
 - B kaedah
 - C tatacara pendidikan
 - D pengalaman pembelajaran
- S4** Pilih contoh yang betul dalam strategi pemusatan guru
- I Guru menerangkan konsep dalam teori bekalan kuasa
 - II Demonstrasi penggunaan mesin larik dilaksanakan di dalam makmal pemesinan bagi menunjukkan alat asas mesin larik
 - III Kelas teknologi pendidikan dijalankan secara FOC bagi topik Rekabentuk dan Model Pengajaran
 - IV Guru memberi tugas berbentuk projek berasaskan masalah dunia sebenar kepada pelajar di dalam kelas
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C III dan IV
 - D I, II, III dan IV
- S5** Penggunaan alat bahan bantu mengajar merupakan satu kaedah untuk merangsang pengetahuan pelajar. Berikut merupakan kepentingan alat bahan bantu mengajar kecuali
- A memahami secara lebih mendalam dan realistik tentang tajuk yang diajar
 - B mengatasi masalah tenaga pengajar kekurangan masa
 - C mengembalikan ingatan pelajar
 - D melahirkan dorongan daya kreativiti kepada pelajar

- S6** Salah satu kriteria pemilihan ABBM adalah kepelbagaian. Apakah yang dimaksudkan dengan kepelbagaian?
- A Isi kandungan ABBM haruslah tepat dan berkait rapat dengan topik yang hendak diajarkan
 - B ABBM harus mengandungi idea-idea dan reka bentuk yang boleh digunakan tidak hanya pada satu topik atau kursus yang tertentu sahaja
 - C ABBM mampu membantu guru menyampaikan konsep dengan lebih mudah
 - D ABBM harus disediakan dalam saiz dan berat yang sesuai supaya ia mudah dibawa, diguna dan disimpan
- S7** "Teori ini menekankan perubahan tingkah laku tanpa mengambil kira pemikiran yang berlaku". Siapakah tokoh yang terlibat dalam teori berikut?
- A Edward Tolman
 - B Jean Piaget
 - C Benjamin Bloom
 - D Burrhus Frederic Skinner
- S8** Model ASSURE mengandungi enam langkah. Dalam langkah "Analyze Learners" pelajar dianalisis berdasarkan aspek-aspek berikut kecuali
- A ciri-ciri umum pelajar
 - B penilaian bahan pembelajaran
 - C tanggapan pelajar terhadap topik mata pelajaran
 - D pengetahuan/pengalaman sedia ada
- S9** Visual bukan tayangan merupakan bahan bantu mengajar yang boleh digunakan sama ada di dalam ataupun di luar kelas. Berikut adalah kepentingan visual bukan tayangan dalam P&P kecuali
- A Mampu memberikan rasa terhadap suasana sebenar
 - B Mampu menjadikan sesi pembelajaran lebih "hidup"
 - C Mampu memberikan pengalaman sebenar kepada pelajar
 - D Mampu menimbulkan suasana ingin tahu dalam kalangan pelajar
- S10** Apakah yang dimaksudkan dengan komputer?
- A Alat yang membantu manusia melaksanakan kerja dengan mudah
 - B Alat elektronik serbaguna yang mempercepatkan kerja manusia
 - C Alat elektronik yang berfungsi membantu sistem kerja manusia dengan lebih cepat, mudah dan tepat
 - D Alat mesin yang sistematik yang membantu manusia melakukan kerja

S11

Cikgu Raju menunjukkan keratan rentas kulit bagi menerangkan kepada pelajar fungsi-fungsi yang terdapat dalam setiap lapisan kulit.

Rajah S11

Berdasarkan pernyataan di Rajah S11, apakah jenis model yang digunakan oleh Cikgu Raju?

- A Model olok-olok
- B Model semulajadi
- C Model potongan
- D Model berskala

S12 Pilih kenyataan yang benar

- A Kad imbasan adalah kad yang mempunyai maklumat yang terperinci tentang sesuatu item yang ingin disampaikan kepada pelajar di peringkat pra-sekolah
- B Carta adalah model yang digunakan untuk memaparkan data-data dalam bentuk yang mudah difahami dan boleh menyampaikan maklumat dengan cepat
- C Objek semulajadi dalam konteks mampu mendatangkan mood yang ceria di dalam kelas
- D Model 3D memerlukan kos pembinaan yang agak murah dalam penghasilannya.

S13 Elemen-elemen asas yang diperlukan dalam sesuatu kerja fotografi adalah

- I kamera
- II subjek/ objek
- III filem/ kad memori
- IV cahaya

- A I dan II
- B I dan III
- C I, II dan III
- D I, II, III dan IV

S14 Radio telah digunakan secara meluas dalam pengajaran dan pembelajaran. Berikut adalah kenyataan berkaitan radio dalam pendidikan kecuali

- A dapat menyampaikan maklumat secara efektif melalui siaran.
- B watak dan ciri-ciri nilai murni yang ingin disampaikan dapat dikenal pasti melalui suara manusia.
- C bunyi yang disampaikan melalui radio dapat membantu pelajar meneroka persekitaran baharu.
- D siarannya berbentuk ceramah, wawancara dan sandiwara.

- S15** Peranan foto adalah menggabungkan pengalaman konkrit pelajar bagi memudahkan mereka memahami konsep yang abstrak. Berikut merupakan tujuan penggunaan foto dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah oleh guru kecuali
- A dapat menyediakan suatu persekitaran pembelajaran yang pasif
 - B dapat mengembangkan minat mereka kepada subjek tersebut
 - C dapat meningkatkan penerimaan idea dalam isi kandungan yang disampaikan
 - D dapat menarik perhatian pelajar kepada isi kandungan subjek yang diajar
- S16** Manakah yang lebih utama bagi fungsi *filter* pada sesebuah kamera untuk membantu meningkatkan kualiti gambar yang diambil?
- A *Filter* dapat memastikan cahaya dapat dihalang.
 - B *Filter* menghalang kekotoran bagi membantu lensa sentiasa bersih.
 - C *Close-up filter* boleh membantu mengurangkan jarak fokus untuk mengambil gambar secara macro.
 - D Kombinasi *filter* dan lensa dapat menghasilkan imej berlainan yang sukar diubah pada komputer.
- S17** Penghasilan sesebuah video pendidikan memerlukan peralatan seperti
- A tetikus
 - B pembesar suara
 - C skrin monitor
 - D pencetak
- S18** Manakah antara pernyataan berikut bukan kelebihan penggunaan video dalam pendidikan?
- A Membina kesan 3 dimensi
 - B Boleh menghasilkan pergerakan perlahan (slow motion)
 - C Menghasilkan kesan warna yang lebih original
 - D Boleh melihat peristiwa yang telah berlaku
- S19** En. Lee merupakan jurulatih bagi bakal-bakal jurukamera. Beliau menyatakan berikut adalah prinsip-prinsip yang perlu diaplikasikan oleh semua jurukamera
- I Pegang dengan teguh
 - II Gunakan tripod
 - III Membuat fokus kamera sebelum merakam
 - IV Kurangkan perbualan ketika merakam
- A I, II dan III
 - B I, III dan IV
 - C II, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S20

- Penggunaan litar bersepadu berskala besar
- Istilah yang digunakan ialah penyepaduan skala besar (Large scale Integration)
- Pengenalan kepada penggunaan CD ROM

Rajah S20

Penyataan pada Rajah S20 merujuk kepada generasi komputer yang ke

- A pertama
- B kedua
- C ketiga
- D keempat

S21 Peranan *Computer Assisted Instruction* (CAI) adalah seperti berikut kecuali

- A pembangunan bahan kursus
- B pengedaran bahan kursus
- C menyimpan rekod kemajuan pelajar
- D mengintegrasikan bahan dengan aktiviti bilik darjah

S22 Pernyataan manakah yang tidak menerangkan kelemahan penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran

- A Kos yang tinggi
- B Perlu cekap dan bermotivasi untuk berjaya
- C Teknologi yang cepat berubah
- D Komputer dalam pendidikan cepat berkembang berbanding bidang lain

S23 Kelebihan penggunaan komputer dalam P&P ialah

- I menyokong pembelajaran sendiri
 - II pengintegrasian multimedia dari pelbagai sumber
 - III Tindak balas peribadi yang cepat dalam kegiatan pembelajaran pelajar
 - IV pengawasan pengajaran daripada guru dapat diperluaskan
- A I, II dan III
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II, III dan IV

- S24 Manakah antara pernyataan berikut menerangkan tentang mikrofon hablur?
- A Beroperasi menggunakan teori elektromagnetik
 - B Diperbuat daripada *piezoelectric crystal*
 - C Rekabentuknya daripada riben aluminium yang nipis
 - D Mengandungi diafragma yang diperbuat daripada plastik
- S25 Edgar Dale (1946) menyarankan agar pengajaran haruslah bermula daripada yang konkrit kepada abstrak. Apakah yang dimaksudkan oleh beliau?
- A Dapat memudahkan proses penerimaan maklumat atau pengajaran kepada pelajar.
 - B Penggunaan teknologi moden dalam pengajaran memaksimumkan penguasaan pelajar.
 - C Impak daripada bahan bantu mengajar atau kaedah teknik pengajaran yang berbeza dalam proses pengajaran dan pembelajaran
 - D Guru lebih kreatif dalam menyampaikan sesuatu pengajaran
- S26 Yang mana satu bukan elemen penting dalam Pembelajaran Berasaskan Web?
- A Strategi Berpusatkan Pelajar
 - B Proses Kolaboratif
 - C Motivasi
 - D Guru tidak memainkan peranan
- S27 Daripada senarai aplikasi di bawah, tentukan platform yang sesuai untuk Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS)
- I *Schoology*
 - II *Edmodo*
 - III *Google classroom*
 - IV *Padlet*
- A I dan II
 - B I, II dan III
 - C III dan IV
 - D I, II, III dan IV

S28 En. Nadzmi ingin menayangkan satu filem pendek kepada kelasnya. Manakah antara berikut, boleh digunakan untuk penayangan filem pendek tersebut?

- I Visualizer
- II LCD Projector
- III Mirror Screen
- IV Digital TV

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S29 Hologram merupakan teknologi terkini dalam industri kreatif, perfileman dan pendidikan. Mengapa hologram sangat sesuai digunakan dalam bidang pendidikan?

- A Hologram mampu mewujudkan suasana sebenar
- B Hologram boleh menayangkan kandungan dalam bentuk 3D
- C Hologram mudah dibangunkan dan digunakan
- D Hologram mampu berfungsi secara *real time* dengan objek yang diwakilinya


S30 Apakah faktor utama yang menyumbang media audio menjadi semakin popular dalam pembelajaran secara formal dan tidak formal bagi semua lapisan masyarakat?

- A Harga radio semakin murah dan mudah dibawa ke mana-mana.
- B Sistem audio banyak digunakan di restoran, kereta, pejabat dan institusi pengajian.
- C Penggunaan *earphone* dan *headphone* memudahkan pengguna mendengar walaupun semasa bekerja.
- D Aplikasi digital dalam alatan mudah alih memudahkan sumber bunyi dirakam, diubah saiz, disimpan, dihantar dan dimainkan.

S31 Teknologi media audio mengalami perkembangan dari masa ke masa, dan perkembangannya telah mempengaruhi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Berikut adalah padanan yang berkaitan manfaat sumbangan dari teknologi media audio kepada manusia kecuali

- A Hiburan - Komunikasi melalui media audio sangat berorientasi pada keuntungan melalui penjualan. Semakin maju media audio, proses penyebaran lagu dan pemasaran DVD/VCD lagu menjadi semakin cepat.
- B Sosial - Memudahkan interaksi dalam lingkungan atau orang sekitar sehingga kita dapat kenal atau akrab dengan orang sekitar.
- C Budaya – Sebaran media audio berkaitan lagu budaya bangsa dan juga sesuatu kaum mudah diperkenalkan melalui radio dan lain-lain sebaran melalui aplikasi media audio.
- D Politik – Sebaran maklumat yang tepat dapat disebarkan dengan mudah kepada orang ramai secara percuma dan pantas melalui aplikasi media audio.

S32 Rajah S32 adalah merujuk kepada sembilan (9) peringkat Pembelajaran Gagne. Penyataan manakah menggambarkan proses yang berlaku semasa peringkat X di Rajah S32



Rajah S32

- A Guru membuat tayangan video mengenai topik yang ingin dipelajari pada hari tersebut
- B Guru bertanya soalan mengenai topik pembelajaran lalu
- C Guru bertanya soalan mengenai topik yang dipelajari pada hari ini
- D Guru memberikan tugas refleksi mengenai topik yang dipelajari pada hari ini kepada pelajar

S33 Manakah antara berikut yang perlu diambil kira untuk melaksanakan *Virtual* atau *Candid Classroom*

- I Bilangan pelajar
- II Jenis penggunaan
- III Pencahayaan bilik
- IV Suhu bilik

- A I, II, dan III
- B I, III, dan IV
- C II, III, dan IV
- D I, III dan IV

S34 Yang manakah antara berikut menerangkan ciri-ciri komputer generasi kelima?

- I lebih canggih, lebih murah dan lebih pantas
- II berkemampuan seperti manusia
- III boleh melaksanakan tugas secara serentak
- IV lebih kuat, utuh dan padat

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S35 Sila pilih kenyataan yang relevan menerangkan mengenai kelebihan penggunaan Laman Web (*World Wide Web-WWW*) dalam pengajaran dan pembelajaran

- I WWW tidak boleh digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran
- II WWW meningkatkan peratus plagiat pelajar
- III WWW boleh dijadikan platform guru untuk membantu menjimatkan masa pelajar
- IV WWW memudahkan akses pembelajaran di mana sahaja

- A II dan III
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S36 Pusat Sumber Elektronik (PSE) semakin digunapakai di semua peringkat pengajian sama ada di sekolah mahupun di universiti. Berikut adalah kelebihan PSE kecuali

- A sumber mudah dikemas kini.
- B maklumat boleh dicapai pada bila-bila masa.
- C maklumat boleh dicapai oleh semua.
- D sumber sentiasa terkini.

S37 *Panning* adalah pergerakan kamera dari

- A kiri dan kanan
- B atas dan bawah
- C kecil dan besar
- D hadapan dan belakang

S38 Kon pengalaman Dale melibatkan beberapa peringkat iaitu

- I persimbolan
 - II penglibatan
 - III pemerhatian
 - IV penaakulan
- A I dan II
 - B II, III dan IV
 - C I, III dan IV
 - D I, II dan III

S39 Salah satu objektif Pusat Kegiatan Guru (PKG) adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru bagi menyokong program bacaan serta literasi maklumat dan literasi bacaan dalam kalangan murid. Manakah antara berikut adalah perkhidmatan yang disediakan di PKG?

- A Menjalankan pelbagai aktiviti untuk peningkatan profesionalisme guru.
- B Menjalankan pemeriksaan terhadap bahan-bahan mengajar yang telah diedarkan.
- C Menyediakan khidmat nasihat berkaitan perkhidmatan awam kepada guru-guru.
- D Menyediakan ruang untuk guru-guru menyalurkan masalah kepada pihak kementerian.

S40 Pilih kenyataan yang benar tentang Pusat Sumber Elektronik (PSE).

- I Menyediakan maklumat tiada sempadan
- II Menyediakan pusat media elektronik
- III Mempunyai bahan-bahan pengajaran yang statik
- IV Mempunyai elemen pencarian bahan rujukan

- A I dan II
- B II dan IV
- C I, II dan III
- D I, II dan IV

- S41** (a) Berikan definisi Teknologi Pendidikan (2 markah)
- (b) Nyatakan empat (4) perbezaan antara istilah konsep teknologi dan pengajaran (8 markah)
- (c) Penggunaan Teknologi Pendidikan memerlukan seseorang pendidik merancang pengajaran dengan rapi dan sistematik. Bincangkan implikasi penggunaan teknologi pendidikan kepada sesuatu pengajaran. (10 markah)
- S42** (a) Terangkan konsep audio dan gelombang audio (4 markah)
- (b) Terangkan tiga (3) kaedah yang digunakan untuk meningkatkan kualiti audio (6 markah)
- (c) Senaraikan lima (5) kelebihan penggunaan videografi dalam pengajaran dan pembelajaran (10 markah)
- S43** (a) Berikan dua (2) kelebihan pembelajaran menggunakan komputer. (4 markah)
- (b) Terangkan kelebihan-kelebihan yang diperoleh pelajar menerusi Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) (6 markah)
- (c) Huraikan ciri-ciri pembelajaran menerusi web yang menjadikannya sesuai untuk diaplikasikan dalam pembelajaran abad ke 21 (10 markah)

-SOALAN TAMAT-